

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Sejarah orang pekak di negara Barat menceritakan bahawa orang pekak pada tahun 355 sebelum masihi nasib mereka tidak terbelah dan tidak dipedulikan. Mereka disisihkan daripada masyarakat dan dikecam. Contohnya Ahli falsafah Greek iaitu Aristotle memandang hina terhadap orang pekak kerana beliau menganggap telinga sebagai organ untuk menerima arahan dan percaya bahawa pendengaran menyumbangkan yang terbanyak untuk kecerdikan.

Pada tahun 530 selepas masihi bangsa Roman telah mengambil berat terhadap status rasmi orang pekak. Dengan tujuan mereka tidak disisihkan dalam masyarakat disebabkan oleh kecacatan pendengaran yang mereka alami. Mereka juga berpeluang untuk mendapatkan pendidikan yang sama seperti orang-orang normal. Dengan ini orang-orang pekak tidak merasakan diri mereka dipinggirkan dalam masyarakat. Contohnya, Rudolphus Agricola adalah seorang yang pekak bisu yang boleh menulis (Moore 1978: 32). Ini menunjukkan orang pekak dan bisu mampu menulis dan berupaya menikmati pendidikan yang sama seperti orang-orang normal.

Mengikut pendapat Jerome Cardin pada tahun 1570, mengakui kepentingan pengajaran kemahiran membaca dan menulis kepada orang pekak dan percaya banyak idea yang rumit boleh diterangkan dengan tanda-tanda anggota badan (isyarat tangan). Sejarah telah membuktikan pengajaran pertama kepada orang pekak telah diperkenalkan di Sepanyol pada abad ke-15 dan 16 (Moore 1978: 32).

Bertitik tolak daripada sinilah, orang cacat pendengaran mendapat pembelaan dan perhatian daripada masyarakat. Berbeza dengan zaman dahulu, kebajikan kanak-kanak cacat pendengaran tidak dititikberatkan. Jika mereka mendapat pendidikan awal pun, adalah disebabkan oleh belas kasihan, keprihatinan individu tertentu dan selalunya secara 'ad hoc'. Jikalau diberi persekolahan, itu pun secara eksklusif. Mereka diletakkan di sekolah khas berasrama penuh, jauh dan terasing daripada keluarga dan masyarakat. Kini corak pendidikan sudah beralih daripada ala eksklusif kepada ala inklusif. Pendidikan mereka sekarang lebih teratur dan kebajikan mereka dijaga oleh kementerian-kementerian tertentu (Norani Mohd Salleh, 1998).

Di Jepun, perkhidmatan bagi golongan cacat pendengaran bermula pada tahun 1879 apabila Sekolah Pengawasan Kegoto untuk orang buta dan pekak mula dibuka. Pada tahun 1975 terdapat 107 buah sekolah untuk orang pekak dan pelajarnya merangkumi dari peringkat tadika hingga ke peringkat sekolah menengah atas yang berjumlah 17,114 orang (Jaiprakash Gupta dan Farid Ahmad, 1995: 223).

Manakala pendidikan bagi golongan cacat pendengaran di Malaysia hanya bermula pada tahun 1954 dan agak lewat jika dibandingkan dengan negara-negara lain, seperti Amerika Syarikat, Jepun, Perancis dan Sepanyol. Kementerian Pelajaran (1978) telah membentuk Jawatankuasa Kebangsaan Komunikasi Seluruh yang bertanggungjawab merencanakan pendidikan untuk orang pekak menurut pendekatan yang lebih unggul. Dengan berpandukan kepada kejayaan yang dicapai di Amerika Syarikat, jawatankuasa tersebut cuba untuk menerapkan pendekatan baru yang dikenali sebagai pendekatan komunikasi seluruh. Untuk menjayakan cita-cita tersebut, dibentuk pula Jawatankuasa

Kerja Komunikasi Seluruh pada tahun 1978. Jawatankuasa ini bertanggungjawab membentuk satu bahasa isyarat yang dapat diterima sebagai bahasa yang 'standard' untuk negara ini. Sebagai hasilnya, jawatankuasa tersebut menyusun bahasa isyarat (kemudian pada tahun 1980 menjadi Bahasa Malaysia Kod Tangan) untuk kanak-kanak pekak peringkat sekolah.

Di Malaysia lebih kurang 3545 orang cacat pendengaran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004) yang mendapat pendidikan pada peringkat yang berbeza. Terdapat juga golongan yang hilang keupayaan mendengar pada tahap sederhana yang mendapat pendidikan sekolah biasa tanpa memerlukan bantuan alat pendengaran.

Bagi meningkatkan mutu pendidikan, banyak usaha dijalankan oleh kerajaan bagi menyempurnakan sistem pendidikan kanak-kanak pekak. Selain daripada Kementerian Pelajaran, Persekutuan Orang Pekak Malaysia (POPM, 2000) begitu giat berusaha menghasilkan *Bahasa Isyarat Malaysia* (BIM), POPM telah menghasilkan 1000 bentuk bahasa isyarat. BIM merupakan buku yang pertama mengandungi isyarat-isyarat yang digunakan oleh komuniti orang pekak. Bahasa Isyarat Malaysia adalah bahasa yang digunakan oleh warga pekak di Malaysia. Bahasa ini kaya dengan identiti yang melambangkan pelbagai bangsa, agama dan budaya di negara ini. Ianya juga merupakan alat yang penting dalam penyatuan masyarakat dan sebagai penghubung dengan masyarakat bukan pekak (Dato' Dr. Hajah Siti Zaharah bt. Haji Sulaiman, Menteri Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, 2003).

Kesedaran betapa pentingnya pendidikan kepada kanak-kanak istimewa ini telah mendorong kerajaan menubuhkan sekolah pendidikan khas. Penubuhan sekolah ini

bertujuan memberi pendidikan yang sama seperti kanak-kanak normal. Ini bersesuaian dengan falsafah pendidikan negara. Kementerian Pelajaran khususnya Jabatan Pendidikan Khas memperkenalkan kaedah-kaedah pengajaran untuk murid-murid pekak bagi tujuan memudahkan guru-guru mengajar murid-murid pekak. Maktab perguruan juga terutamanya Maktab Perguruan Ilmu Khas mahupun universiti-universiti contohnya UM, UKM, USM, UPSI juga memperkenalkan Pendidikan Khas untuk melatih guru-guru untuk mendidik kanak-kanak pekak.

Kanak-kanak pekak atau cacat pendengaran memerlukan bahasa untuk berkomunikasi. Keperluan terhadap bahasa kanak-kanak cacat pendengaran sama pentingnya dengan keperluan bahasa kanak-kanak normal. Semuanya perlukan bahasa untuk menyampaikan hasrat dan perasaan, meskipun terdapat perbezaan yang nyata iaitu antara lisan dan bukan lisan. Kedua-duanya amat penting sebagai medium komunikasi dalam kehidupan manusia. Sesungguhnya, bahasa isyarat merupakan bahasa pertama bagi orang-orang pekak yang dibentuk oleh orang pekak itu sendiri untuk tujuan komunikasi di antara satu sama lain. Bahasa isyarat ini merupakan satu sistem komunikasi yang berorientasikan visual dan pergerakan tangan.

Dalam konteks masyarakat Melayu, orang sebegini dikenali sebagai orang 'pekak' atau orang 'bisu'. Seseengah masyarakat yang berdialek Melayu menyebut pekak sebagai 'tuli'. Namun demikian, pekak dan bisu membawa konotasi dan maksud yang berbeza (Abdullah Yusoff, 1993). Umumnya, kedua-dua golongan tersebut merujuk kepada mereka yang menghadapi masalah semasa berkomunikasi. Oleh itu, mereka terpaksa menggunakan bahasa bukan verbal bagi tujuan komunikasi.

Pendengaran amatlah penting dalam perkembangan pertuturan kerana manusia meniru apa yang mereka dengar (proses pemerolehan bahasa). Pendapat ini bersesuaian dengan aliran yang menyatakan bahawa bahasa diperoleh melalui latihan dan pengalaman (Mangantar Simanjuntak, 1987). Pendengaran juga memainkan peranan penting bagi kanak-kanak dalam pembelajaran bahasa dan inilah salah satu halangan yang terbesar yang dihadapi oleh kanak-kanak bermasalah pendengaran (Ling, 1989).

Sesuatu bahasa hanya dibentuk untuk memenuhi keperluan berkomunikasi di dalam sesuatu komuniti. Jika ditinjau, kita dapati pada zaman sebelum merdeka kebanyakan orang pekak hidup terasing dengan keluarga masing-masing dan jarang ada peluang untuk mereka menerima pendidikan. Mereka juga tidak berpeluang bertemu atau hidup bermasyarakat. Jadi, tiada bahasa isyarat yang bertaraf dibentuk. Untuk keperluan komunikasi dengan ahli keluarga yang berupaya bercakap dan mendengar, mungkin isyarat tertentu berserta pergerakan badan digunakan. Walau bagaimanapun isyarat begini bukan bahasa isyarat.

Menurut Pekeliling Persekutuan Orang Pekak Malaysia, sejarah kewujudan bahasa isyarat Malaysia adalah bertitik tolak daripada tertubuhnya Sekolah Kanak-Kanak Pekak Persekutuan di Pulau Pinang pada tahun 1954. Pada masa itu, hanya sebuah sekolah sahaja untuk kanak-kanak pekak ditubuhkan. Sekolah ini adalah hasil usaha Lady Templer iaitu isteri kepada Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu pada waktu itu. Ianya merupakan sekolah pertama seumpamanya di Tanah Melayu dan dibina khusus untuk memenuhi keperluan kanak-kanak pekak.

Walau bagaimanapun pembelajaran menggunakan teknik oralisme di sekolah masih belum cukup untuk memenuhi keperluan komunikasi murid-murid di sekolah tersebut. Mereka akhirnya mencipta isyarat tangan yang dirasakan lebih sesuai dan mudah dalam komunikasi antara mereka. Mereka mempraktikkannya di asrama dan diluar waktu persekolahan. Penggunaan isyarat tangan akhirnya berkembang dan bertambah. Evolusi demi evolusi berlaku kepada isyarat-isyarat tersebut seiring dengan perkembangan semasa sehinggalah yang digunakan pada hari ini.

Memandangkan perkembangan bahasa tersebut yang pelbagai dan tidak selaras antara pengguna-penggunanya, Persekutuan Orang Pekak Malaysia telah mengambil inisiatif dengan menjalankan program jejak *Bahasa Isyarat Malaysia*. Matlamat program ini adalah untuk mengumpulkan kesemua isyarat dari setiap pelusuk negeri dan daerah di seluruh Malaysia untuk dikaji dan diselaraskan.

Pada tahun 1970-an, Kaedah Komunikasi Seluruh bagi pendidikan kanak-kanak pekak dibawa ke Malaysia untuk menggantikan kaedah oralisme. Kosa kata Bahasa Isyarat Amerika atau *American Sign Language* (ASL) diterjemahkan ke Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) untuk digunakan di sekolah-sekolah. Walaupun KTBM digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah, BIM terus digunakan untuk tujuan komunikasi sesama mereka sehingga ke hari ini. Kerap kali juga didapati BIM digunakan di sekolah untuk menerangkan pengertian kod KTBM.

Dari sudut kebahasaan, orang pekak menggunakan seluruh anggota badan mereka untuk berkomunikasi. Jejari, tangan, mata, kening, bibir, kaki dan kepala adalah unsur penting dalam melahirkan sesuatu pergerakan yang bermakna. Dengan kata lain, mereka

menggunakan apa-apa sahaja yang ada pada mereka untuk menyatakan sesuatu supaya proses komunikasi terlaksana (Abdullah Yusoff, 1995: 16).

Gabungan kesepaduan pergerakan anggota badan itu akan membentuk sesuatu isyarat yang bermakna. Lazimnya, isyarat yang dihasilkan atau dicipta mempunyai pertalian rujukan dengan benda yang dirujuk. Oleh sebab itulah, kemungkinan bahasa mereka lebih dikenali sebagai bahasa isyarat (Abdullah Yusoff, 1995: 16-17).

Dari segi takrif bahasa, Sapir merumuskan bahawa bahasa merupakan cara yang digunakan oleh manusia bagi menyampaikan fikiran, perasaan dan hasrat hati melalui lambang-lambang pertuturan yang dihasilkan secara sukarela. Manakala Bloch dan Trager menyatakan bahawa bahasa adalah satu lambang pertuturan yang bersifat arbitrari yang digunakan oleh manusia untuk berhubung, (dalam Nik Safiah Karim, 1990: 11). Mengikut Mangantar Simanjuntak (1987: 105) definisi bahasa yang baru dan lazim meneliti bahasa menurut fungsi dan bentuk.

Manusia menggunakan bahasa kerana mereka ingin berkomunikasi antara satu sama lain. Dengan demikian banyak ahli bahasa mendefinisikan bahasa mengikut fungsinya. Dalam konteks ini, bahasa merupakan media untuk berkomunikasi sebagai alat perhubungan dan menyatakan hasrat dan perasaan (Mat Daud bin Yusof, 1990: 156).

Bolingier telah mendefinisikan bahasa sebagai:

“Human language is a system of vocal auditory communication using conventional signs composed of arbitrary patterned sound unit and assembled according to set rules, interacting with the experience of its users.”

(Dalam Mat Daud B. Yusof, 1990: 156)

Edward Sapir, seorang tokoh bahasa dari Amerika menyatakan bahasa ialah:

“... a system of phonetic symbols for the expressions of communicable thought and feeling... the symbol of language are differentiated product of vocal behavior which is associated with the larynx of the higher mammals.”

(Dalam Mat Daud B. Yusof, 1990: 156)

Daripada definisi di atas, cuba kita perhatikan kata-kata Bolinger “*interacting with the experience of its users*” dan kata-kata Sapir yang menegaskan “*for the expression of communicable thought and feeling*”. Kedua-dua definisi itu jelas menekankan fungsi bahasa. Jadi bolehlah kita mengatakan bahawa bahasa itu sebagai lambang-lambang pertuturan yang bersifat arbitrari yang digunakan oleh manusia untuk berhubung di antara satu sama lain bagi menyatakan hasrat, perasaan dan fikiran. Walaubagaimanapun Hugesford, telah merumuskan bahawa:

- a. Bahasa itu digunakan untuk berkomunikasi.
- b. Bahasa itu untuk mencapai proses sosialisasi.
- c. Bahasa itu untuk mewujudkan rangkaian pertalian di antara kumpulan dan individu.
- d. Bahasa itu untuk pertumbuhan individu.

(Dalam Mat Daud B. Yusof, 1990: 157)

Perlu ditekankan bahawa tidak ada kumpulan masyarakat di dunia ini yang tidak mempunyai bahasa dan tidak ada bahasa yang dianggap sebagai bahasa yang agung.

Bolinger dalam *Aspects of Language*, halaman 3 menyatakan bahawa: “Masyarakat tidak boleh hidup tanpa bahasa dan individu tidak boleh hidup tanpa masyarakat”. Walaupun golongan orang pekak-bisu kecil jumlahnya dan bahasa yang digunakan berbeza daripada bahasa yang digunakan oleh manusia normal, namun mereka tetap memainkan peranan sebagai individu dalam masyarakat dengan melaksanakan

aktiviti harian dengan lancar dan sempurna. Bahasa isyarat yang digunakan mempunyai ciri-ciri yang sama dengan fungsi bahasa verbal yang digunakan oleh manusia normal tetapi disebabkan bahasa isyarat mempunyai kendala tersendiri, bahasa ini hanya mampu memenuhi fungsi asas komunikasi sebagai memenuhi fitrah semula jadi manusia (Asmah Haji Omar, 1986).

Fungsi asas bahasa adalah sebagai alat komunikasi bagi manusia, dan komunikasi dapat dilakukan dengan baik dan sempurna jika bahasa yang digunakan berbentuk verbal berbanding dengan bentuk non-verbal. Bahasa itu pula harus dapat difahami oleh individu-individu dalam satu-satu komuniti masyarakat. Manakala bahasa isyarat yang digunakan oleh orang-orang yang cacat pendengaran berbeza daripada bahasa yang digunakan oleh orang normal, namun mereka tetap memainkan peranan sebagai individu.

Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) yang dihasilkan oleh jawatankuasa kerja komunikasi seluruh tidak hanya merupakan komunikasi yang dilakukan dengan isyarat tangan, malahan menitikberatkan asas-asas tatabahasa dan prinsip-prinsip bahasa Malaysia. Apabila Bahasa Malaysia Kod Tangan ini digunakan dalam bentuk bahasa tulisan, bahasa tersebut sama dengan bahasa orang yang tidak pekak, baik daripada sudut tatabahasa mahupun semantik.

1.1 Pendidikan Khas

Pendidikan Khas di Malaysia ditujukan kepada pelajar-pelajar yang bermasalah penglihatan, pendengaran dan pembelajaran, ketiga-tiga golongan ini menerima pendidikan melalui dua bentuk iaitu sama ada dengan menghadiri program percantuman dan program pendidikan khas. Kajian ini ditumpukan pada Pendidikan Sekolah Khas Bermasalah

Pendengaran yang merupakan program pendidikan khas yang dikendalikan di sekolah harian biasa, iaitu guru-guru pendidikan khas yang mengajar murid-murid bermasalah pendengaran yang berasingan daripada pelajar normal.

Pendidikan khas adalah satu pendidikan yang direka khas untuk yang memerlukan perhatian yang lebih, istimewa atau luar biasa. Pendidikan Khas ini juga adalah untuk melatih, mengajar kanak-kanak menjadi baik dan berguna kepada diri mereka sendiri mahupun masyarakat. Sementara menurut Chua Tee Tee (1982: 186) merujuk kepada pendidikan khas bagi kanak-kanak luar biasa, iaitu kanak-kanak yang lemah dari segi intelek, fizikal, sosial atau emosi, tidak mencapai pertumbuhan dan penyuburan sekolah biasa. Chua Tee Tee dan Koh Boh Boon (1992: 6) pula mendefinisikan kanak-kanak luar biasa sebagai “kanak-kanak yang cacat penglihatan, pendengaran, terencat akal, cacat fizikal dan termasuk kanak-kanak yang pintar cerdas.”

Gearhart dan Weishahn (1980) berpendapat bahawa pendidikan khas ialah subsistem dalam sistem pendidikan, yang bertanggungjawab mengadakan peruntukan kemudahan dan keistimewaan bagi membantu kanak-kanak yang bersifat luar biasa. Kirk dan Gallagher (1983) pula menyatakan luar biasa meliputi golongan yang bergeliga dan yang cacat. Kirk dan Gallagher lebih menakrifkan bahawa kanak-kanak luar biasa ialah yang melencong daripada mereka yang bersifat normal dari segi ciri-ciri mental, kebolehan deria, ciri-ciri fizikal, kebolehan komunikasi dan kegandaan handicap.

1.1.1 Falsafah Pendidikan Khas

Satu usaha yang berterusan untuk menggalakkan perkembangan optimum seseorang individu sebagai seorang yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari,

mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari diri sendiri sebagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan falsafah pendidikan negara.

Kementerian Pendidikan (1986) menggariskan falsafah pendidikan khas yang bersifat progresivisme. Falsafah itu berbunyi:

‘Falsafah pendidikan khas ialah untuk menyediakan peluang yang sama kepada kanak-kanak khas seperti yang diberi kepada kanak-kanak biasa untuk perkembangan psikososial yang seimbang. Falsafah ini diselaraskan dengan objektif untuk memastikan bahawa keperluan tenaga rakyat dan untuk memastikan bahawa sistem pendidikan itu dapat memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih.

1.1.2 Matlamat Pendidikan Khas

Matlamat umum pendidikan khas sememangnya harus menuruti matlamat pendidikan negara iaitu yang meliputi aspek individu, sosial, ekonomi, kewarganegaraan, pemodenan dan kefahaman antarabangsa. Walaubagaimanapun matlamat khusus pendidikan khas ialah:

- a. Menyediakan persekitaran yang terbuka (least restrictive environment) yang dapat mendedahkan kanak-kanak tidak normal pada persekitaran hidup yang sebenarnya.
- b. Menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk ibu bapa yang mempunyai kanak-kanak tidak normal supaya mereka sedar akan hak mereka untuk hidup tidak berasa malu dan hak mereka mendapatkan perkhidmatan pendidikan untuk anak-anak mereka.
- c. Menyediakan perkhidmatan kaunseling dan program dan infrastruktur pendidikan khas untuk mengembangkan potensi kanak-kanak tidak normal pada tahap maksimum
- d. Mengadakan kurikulum pendidikan khas yang bersesuaian dengan jenis kecacatan sesuatu golongan kanak-kanak. Kurikulum tersebut bukan hanya mengutamakan aspek akademik tetapi yang lebih utamanya aspek kestabilan psikoemosi. Penyediaan kemahiran hidup dan kemahiran vokasional yang sederhana untuk mereka yang tidak normal.
- e. Mengadakan kemudahan perubatan dan penyelidikan untuk merawat atau memulih

- ketidaknormalan fizikal, mental dan emosi mereka yang tidak normal.
- f. Mengadakan tenaga pengajar profesional untuk mempertingkatkan mutu program pendidikan khas
 - g. Mengadakan tempoh pendidikan dan latihan yang lebih fleksibel selaras dengan darjah keseriusan seseorang itu.

1.1.3 Program Untuk Pelajar Pekak

Masalah utama dalam pendidikan khas untuk orang pekak ialah bahasa dan komunikasi. Masalah pelajar pekak lebih rumit kerana mereka tidak boleh mendengar. Pada yang sama tidak ada satu kaedah yang terbaik untuk orang pekak, kecuali dengan bantuan alat bantu pendengaran. Kaedah bahasa isyarat, *cued speech*, ejaan jari, bacaan bibir dan kaedah komunikasi seluruh Bahasa Malaysia Kod Tangan adalah kaedah-kaedah yang digunakan untuk kanak-kanak pekak. Walau bagaimanapun kaedah komunikasi seluruh lebih berkesan daripada kaedah-kaedah lain (Sufean b. Husin 1993: 23-58).

Pelajar-pelajar pekak di sekolah, sama ada di sekolah khas berasrama, sekolah biasa ataupun di kelas khas, mempelajari kurikulum yang sama dengan sekolah biasa. Malahan mereka mengambil peperiksaan yang sama, iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Walau bagaimanapun peruntukan tempoh persekolahan untuk mereka berbeza daripada kanak-kanak biasa. Tempoh persekolahan rendah untuk pelajar pekak ialah lapan tahun dan mereka dibenarkan mengambil peperiksaan PMR ketika berumur 16 tahun.

Sungguhpun pelajar pekak dan bisu mengikuti kurikulum yang sama, tetapi kandungan kurikulum sekolah disempitkan atau dikurangkan agar tumpuan pembelajaran dikhususkan untuk penguasaan kemahiran bahasa dan komunikasi. Selain daripada itu,

kurikulum sekolah untuk mereka yang pekak lebih menekankan kemahiran menulis, pertukangan tangan, tulisan dan kemahiran vokasional 'ringan'.

1.1.4 Sejarah Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran Di Malaysia

Pendidikan kanak-kanak bermasalah pendengaran di Malaysia bermula dengan tertubuhnya sekolah kanak-kanak Pekak Persekutuan Pulau Pinang pada tahun 1954 (Saleena Yahya, 1989). Sekolah ini bergantung sepenuhnya kepada sumbangan orang ramai. Pada mulanya semua perkhidmatan untuk kanak-kanak bermasalah pendengaran dikendalikan oleh pihak swasta. Kini perkhidmatannya telah diambil alih oleh pihak kerajaan. Namun peranan pihak swasta dan badan bukan kerajaan masih tetap diteruskan (Tee, 1976). Pada tahun 1963 sebuah Unit Pendidikan Khas telah ditubuhkan di bahagian sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia dan kerajaan telah mengambil alih tugas badan bukan kerajaan dengan membuka kelas-kelas percantuman di sekolah rendah seluruh negara (Saleena Yahya, 1989). Pada tahun 1988, kelas-kelas percantuman ini telah dinaikkan taraf menjadi sekolah pendidikan khas. Dengan itu, terdapat 23 buah sekolah rendah pendidikan khas, tiga buah sekolah menengah pendidikan khas dan salah satu adalah sekolah pendidikan khas vokasional. Pada tahun 1995, Unit Pendidikan Khas, Bahagian Sekolah telah dinaikkan taraf menjadi sebuah jabatan yang dinamakan Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Sistem pendidikan mengandungi enam tahun untuk peringkat sekolah rendah dan 5 tahun untuk sekolah menengah (Tee, 1988). Walau bagaimanapun bagi kanak-kanak bermasalah pendengaran tempoh itu boleh dilanjutkan kepada dua tahun lagi. Bilangan minima kanak-kanak bermasalah pendengaran di dalam sebuah kelas ialah enam orang dan

maksimum adalah 12 orang (Tee, 1988). Kurikulum yang diguna pakai adalah kurikulum sekolah biasa yang diubah suai mengikut kemampuan kanak-kanak bermasalah pendengaran dengan diberi penekanan kepada latihan pendengaran dan pertuturan. Pada tahun 1981 kaedah komunikasi seluruh dan pertuturan kiu telah diperkenalkan sebagai satu kaedah pengantar sekolah (Singh, 1981). Oleh yang demikian murid-murid bermasalah pendengaran menggunakan kurikulum yang sama dengan murid-murid biasa maka bahasa pengantarnya adalah Bahasa Melayu (BM) dan selain itu diajar Bahasa Inggeris. Murid-murid bermasalah pendengaran menghadapi kesukaran kerana terpaksa belajar dua bahasa yang berbeza dan terpaksa memahami kecekapan Bahasa Melayu.

1.2 Kurikulum Pendidikan

Kurikulum merupakan rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah ataupun sesebuah institusi pelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan. Kurikulum sekolah boleh dibahagikan kepada dua bahagian yang besar iaitu, bahagian yang meliputi sukatan pelajaran dan kandungan mata pelajaran serta segala kegiatan pengajaran dan pembelajaran, dan bahagian yang meliputi kegiatan luar bilik darjah seperti kegiatan-kegiatan sukan, persatuan, pasukan pakaian seragam dan lain-lain yang disebut sebagai aktiviti kokurikulum (Kamaruddin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 2003: 53).

Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Kurikulum bahasa Melayu menyediakan murid untuk menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan tatabahasa secara betul dan tepat. Selain itu, murid mampu mengungkapkan ilmu

pengetahuan daripada mata pelajaran yang lain di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah memberikan tumpuan pada kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran bahasa ini membolehkan murid menggunakan Bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup bagi tujuan perhubungan sosial, pemerolehan ilmu serta rekreasi. Sukatan pelajaran ini juga memberikan pertimbangan kepada pelbagai gaya pembelajaran, minat dan kecerdasan yang berbeza dalam kalangan murid. Aktiviti kokurikulum Bahasa Melayu yang dijalankan di luar waktu sekolah adalah penting sebagai sokongan untuk memantapkan penguasaan bahasa murid.

1.2.1 Jenis-Jenis Kurikulum

Dalam bidang pendidikan, terdapat berbagai-bagai jenis kurikulum. Dua pembahagian besar yang dibuat dalam menentukan jenis-jenis kurikulum iaitu kurikulum nyata dan kurikulum tersembunyi.

1.2.1.1 Kurikulum Nyata

Denis Lawton (1975) menyatakan bahawa kurikulum nyata merupakan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak tertentu. Ianya mematuhi peraturan, jadual waktu dan kegiatan kokurikulum yang telah disediakan oleh pihak sekolah. Kurikulum nyata melibatkan segala bentuk aktiviti atau kegiatan sekolah sama ada di dalam atau di luar bilik darjah yang telah dirancang. Kurikulum tersirat ini juga dikenali oleh golongan pendidik sebagai kurikulum formal. Ciri nyata yang terdapat pada kurikulum jenis ini ialah

ia sengaja dirancang dan tersirat iaitu terkandung dalam bahan yang telah dicetak dan boleh dibaca oleh semua orang.

1.2.1.2 Kurikulum Tersembunyi

Kebanyakan definisi menyatakan kurikulum dirancang tetapi dalam alam persekolahan, murid-murid bukan sekadar mempelajari apa yang dirancang secara formal malah ada beberapa perkara yang dipelajari secara informal. Apa yang dipelajari secara informal adalah lebih kekal dan berkesan daripada yang dipelajari secara formal. Oleh sebab itulah timbulnya istilah *the hidden curriculum* yang dipelopori oleh P.W Jackson yang dipetik dari Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 2003: 14. Sejak itu, ramai pendidik menumpukan terhadap kurikulum tersirat.

Rolland Meighan (1986: 52) menyatakan kurikulum tersembunyi sebagai:

The hidden curriculum taught by school, not by any teacher. However enlightened the staff, however progressive the curriculum, however community - oriented the school, something is coming across to the pupils which need never be spoken... or prayed about in assembly. They are pitching up an approach in living, and an attitude in learning

Berdasarkan kenyataan di atas, disimpulkan bahawa kurikulum tersembunyi adalah lanjutan atau tambahan daripada generalisasi kepada norma-norma masyarakat, ianya dipelajari melalui pelajaran yang tidak diperkatakan. Menurut James (1968) kurikulum tersembunyi lahir daripada sekolah sebagai satu organisasi, iaitu apa sahaja pelajaran di sekolah yang diterima oleh pelajar di luar kurikulum yang nyata.

1.2.1.3 Kurikulum Program Pendidikan Khas

Kurikulum yang diguna pakai di sekolah-sekolah pendidikan khas dan program pendidikan khas integrasi ialah kurikulum kebangsaan (yang diubah suai mengikut kecacatan murid) dan kurikulum alternatif:

Kurikulum alternatif yang diguna pakai bagi murid-murid pendidikan khas ialah;

- i) Kurikulum latihan industri yang disediakan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)
- ii) Kurikulum yang dibina khusus oleh Jabatan Pendidikan Khas (pekeliling ikhtisas Bil /2004).

(Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia).

1.2.1.4 Kurikulum Kebangsaan

Sukatan pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah memberikan tumpuan kepada kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran bahasa ini membolehkan murid menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup bagi tujuan sosial, pemerolehan ilmu serta rekreasi.


Sukatan pembelajaran ini juga memberikan pertimbangan kepada pelbagai gaya pembelajaran, minat dan kecerdasan yang berbeza dalam kalangan murid dengan menekankan penyerapan kemahiran bernilai tambah. Aktiviti kokurikulum juga yang dijalankan di luar waktu sekolah adalah penting sebagai sokongan untuk memantapkan ilmu dan pengalaman pembelajaran di bilik darjah.

1.2.1.5 Kurikulum Guru Pendidikan Khas

Kurikulum guru pendidikan khas dibentuk bagi mencapai mutu pengajaran yang berkesan. Model konseptual pendidikan guru merupakan intipati kurikulum guru pendidikan khas.

Perincian model konseptual pendidikan guru dapat dilihat pada gambar rajah 1.1 dan huraian di bawah.

Rajah 1.1: Model Konseptual Pendidikan Guru



(Sumber : Kurikulum Guru Pendidikan Khas, Maktab Perguruan Ilmu Khas)

1.2.1.6 Model Konseptual Pendidikan Guru

Model konseptual pendidikan guru dibina berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Guru (FPG) yang menekankan kepentingan tiga aspek asas iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang disepadukan merentasi semua disiplin mata pelajaran serta program yang dirancang seperti gambar rajah 1.1.

Model konseptual pendidikan guru mengutamakan akauntabiliti guru kepada tiga dimensi utama iaitu sendiri, kemasyarakatan dan ketuhanan. Citra ketiga-tiga dimensi ini dijemakan dalam program yang dirancang seperti berikut:

Ketuhanan : Menganjurkan peningkatan ilmu, penghayatan dan amalan individu sebagai insan yang percaya dan patuh kepada ajaran agama

Kemasyarakatan : Menekankan peranan guru sebagai pendidik, pemimpin dan sebagai agen perubahan.

Kendiri : Menjurus kepada pembinaan daya ketahanan, patriotisme, pemupukan budaya ilmu, pembentukan sahsiah dan berperkerti mulia.

Selaras dengan FPK dan FPG, model ini menggambarkan suatu usaha membina kekuatan dan ketahanan diri guru berasas kepatuhan kepada tuhan dan kesejahteraan bermasyarakat.

Hasrat ini dapat dicapai menerusi pelaksanaan kurikulum pendidikan guru yang menyatukan aspek-aspek pengetahuan, kemahiran ikhtisas dan amalan nilai-nilai keguruan.

Kurikulum Kursus Sijil Perguruan Khas (KKSPK) digubal dengan mengambil kira usaha menterjemahkan ketiga-tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai secara yang diperjelaskan seperti berikut:

Pengetahuan : Merangkumi pengetahuan am dan pengetahuan dalam mata pelajaran pengkhususan, pengetahuan mencakupi tentang Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) serta pengetahuan ikhtisas keguruan.

Kemahiran : Merangkumi ikhtisas menjurus kepada kemahiran berkomunikasi, kemahiran belajar, kemahiran berfikir, literasi komputer dan pedagogi. Pembinaan dan pengukuhan aspek-aspek “ how to” dengan memberi tumpuan kepada pengintegrasian teknologi maklumat dalam pelaksanaan kurikulum

Nilai : Merujuk kepada penerapan, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni keguruan yang menampilkan sahsiah sebagai guru penyayang, berperkerti mulia, budaya tahan, patriotik, inovatif, kreatif, berketrampilan dan berwibawa serta patuh kepada profesion perguruan.

(Sumber : Kurikulum Guru Pendidikan Khas, Maktab Perguruan Ilmu Khas)

1.2.2 Murid Pendidikan Khas

Semua murid pendidikan khas yang mengikuti kurikulum kebangsaan mengambil peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah, Penilaian Menengah Rendah, Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia bagi pascamenengah.

1.2.2.1 Pendidikan Rendah

Syarat kemasukan murid ke Program Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia ialah;

- i) Berumur 6+ hingga 14+ tahun
- ii) Disahkan oleh pengamal perubatan
- iii) Boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain

Semua sekolah rendah pendidikan khas bermasalah pendengaran menawarkan aliran akademik dan menggunakan kurikulum kebangsaan. Murid-murid ini akan menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah semasa di tahun enam. Kemudahan-kemudahan yang disediakan di sekolah rendah pendidikan khas termasuklah asrama dan makan percuma. Murid berkeperluan khas yang mengikuti program pendidikan khas integrasi boleh mengikuti kurikulum kebangsaan atau alternatif. Bagi murid-murid bermasalah pendengaran, mereka menggunakan kurikulum kebangsaan.

Jumlah guru yang mengajar di sekolah pendidikan khas bermasalah pendengaran di seluruh negeri ialah seramai 585 pada tahun 2004. Jumlah ini adalah secara keseluruhan iaitu guru yang mengajar di sekolah rendah dan menengah. Jumlah sebenar guru yang mengajar di sekolah rendah ialah seramai 470 orang. Sementara sekolah menengah seramai 115 orang guru. Ini dapat dilihat dalam jadual 1.1 di bawah.

Jumlah guru yang mengajar di sekolah program pendidikan khas integrasi bermasalah pendengaran di seluruh negeri adalah berjumlah 314 orang guru pada tahun 2004. Bilangan guru sekolah rendah ialah 115 orang, manakala bilangan guru sekolah menengah ialah 199 orang guru. Data perincian jumlah guru, murid dan bilangan sekolah dapat dilihat dalam jadual 1.2 di bawah.

Jadual 1.1: Perkembangan Program Pendidikan Khas 1997-2004

	Sekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran							
	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004
Bil. Program Rendah	23	23	23	23	23	23	23	23
Bil. Program Menengah	2	2	2	2	2	2	2	3
Jumlah Program	25	25	25	25	25	25	25	26
Bil. Murid Sekolah Rendah	2125	1968	1853	1779	1752	1713	1717	1589
Bil. Murid Sekolah Menengah	529	553	559	525	706	523	514	532
Jumlah Murid	2654	2521	2412	2304	2458	2236	2231	2121
Bil. Kelas Sekolah Rendah	256	246	256	242	225	172	296	231
Bil. Kelas Sekolah Menengah	50	50	50	53	53	50	49	50
Jumlah Kelas	306	269	306	295	278	222	345	281
Bil. Guru Sekolah Rendah	453	437	407	433	440	438	468	470
Bil. Guru Sekolah Menengah	93	93	92	95	95	93	103	115
Jumlah Guru	546	530	499	528	535	531	571	585

(Sumber: Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia)

Jadual 1.2: Perkembangan Program Pendidikan Khas 1997-2004

	Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pendengaran							
	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004
Bil Program Rendah	30	28	34	56	28	41	34	30
Bil. Program Menengah	23	26	32	36	26	39	39	37
Jumlah Program	53	54	66	92	54	80	73	67
Bil. Murid Sekolah Rendah	665	401	604	599	594	448	429	416
Bil. Murid Sekolah Menengah	797	741	996	900	917	965	940	1008
Jumlah Murid	1462	1142	1600	1499	1511	1413	1369	1424
Bil. Kelas Sekolah Rendah	100	105	106	337	109	108	97	82
Bil. Kelas Sekolah Menengah	83	108	140	195	140	137	144	128
Jumlah Kelas	183	213	246	532	249	245	241	210
Bil. Guru Sekolah Rendah	151	155	153	589	167	152	128	115
Bil. Guru Sekolah Menengah	138	148	212	318	201	217	228	199
Jumlah Guru	289	303	365	907	368	369	356	314

(Sumber: Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1.2.2.2 Tempoh Belajar

- i) Tempoh belajar minimum bagi murid berkeperluan khas di sekolah rendah adalah enam tahun.
- ii) Tempoh belajar minimum bagi murid berkeperluan khas di sekolah menengah adalah lima tahun.

- iii) Tempoh ini boleh dilanjutkan hingga 2 tahun maksimum di mana-mana peringkat iaitu sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah mengikut keperluan murid berkenaan (Pekeliling Ikhtisas Bil. 16/2002).

(Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia).

1.3 Pengajaran

Pengajaran merupakan satu sistem aktiviti yang secara khusus ditujukan kepada murid-murid dengan tujuan membawa perubahan tingkah laku dalam kalangan mereka. Sistem aktiviti ini sebenarnya dirancang dan diolah oleh guru untuk menyampaikan pemahaman tentang maklumat atau pengetahuan tertentu kepada murid-murid dalam suasana yang dinamakan bilik darjah (Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 2003: 14).

Menurut Koh Boh Boon (1985) pengajaran adalah satu proses yang kompleks yang dipenuhi oleh pelbagai unsur, termasuk kualiti pengajar, kecerdasan, bakat, minat, pengaruh, motivasi, persekitaran sekolah dan dorongan ibu bapa terhadap murid-murid itu. Sebagai satu proses, pengajaran merupakan suatu jaringan aktiviti yang dikendalikan oleh guru bagi menghubungkan murid-murid melalui pemahaman yang dijangka dapat dipindahkan setelah hubungan itu dikawal baik oleh kaedah tertentu yang digunakan.

Robert Glaser (1968) menyatakan pengajaran adalah satu proses yang melibatkan empat elemen utama, iaitu objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada, kaedah mengajar dan penilaian pencapaian. Semua elemen ini saling mempengaruhi antara satu sama lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran menurut beliau adalah hasil daripada interaksi antara guru, murid, isi pelajaran, objektif pengajaran dan persekitaran

Sebagai satu proses, pengajaran melibatkan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran yang membolehkan murid-murid mempelajari dan menguasainya secara

berkesan. Mengajar maksudnya menukar tingkah laku dan kelakuan murid-murid melalui ilmu pengetahuan atau kepercayaan baru.

Pengajaran sebagai satu seni, biasanya melibatkan elemen-elemen seperti emosi, nilai dan tingkah laku manusia. Pengajaran dan pembelajaran hanya akan lebih bermakna apabila unsur-unsur ini ditekankan kepada murid-murid. Setiap murid yang terlibat dalam proses pembelajaran, mempunyai potensi intelek, emosi, rohani dan jasmani yang tersendiri. Kepakaran guru mengeksploitasikan pengetahuan dan pengalaman mereka dengan cara mempelbagaikan teknik dan cara pengajaran yang disesuaikan dengan keperluan murid dan ini merupakan satu seni yang paling berharga kepada guru-guru tersebut yang mempunyai bakat dan seni mengajar yang tersendiri. Kebolehan menggunakan kreativiti sendiri seperti ini perlu dan dilatih dan seterusnya dikuasai untuk membolehkan terciptanya satu bentuk pengajaran yang berkesan.

1.4 Pembelajaran

Pembelajaran adalah satu proses mengakumulasi maklumat dan pengalaman secara berterusan, yang berlaku dalam diri seorang sejak ia dilahirkan. Proses ini berlaku dalam dua bentuk, sama ada disedari atau tidak disedari. Pembelajaran melibatkan organ deria untuk mengesan semua bentuk pengalaman dan ilmu pengetahuan di persekitaran. Tindakan mempraktikkan pengalaman yang baru diperoleh itu, dianggap sebagai perubahan tingkah laku dan ini menggambarkan satu pembelajaran yang sebenar (Kamaruddin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 2003: 25).

Stalling (1973) dalam Kamaruddin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 2003: 25 berpendapat bahawa pembelajaran berdasarkan tiga kriteria, yang penting. Pertama,

pembelajaran harus menampakkan perubahan dalam tingkah laku. Kedua, pembelajaran harus melibatkan sesuatu pemikiran. Ketiga, pembelajaran harus menghasilkan perubahan melalui pengalaman dan latihan.

Menurut Crow dan Crow (1983, dalam Kamaruddin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 2003: 25) pula, pembelajaran adalah pemerolehan tabiat, pengetahuan dan sikap. Pembelajaran melibatkan cara baru membuat sesuatu kerja. Ianya berlaku dalam percubaan individu untuk mengatasi rintangan atau untuk menyesuaikan diri kepada situasi baru. Pembelajaran biasanya berlaku setelah seseorang itu terdedah dengan persekitaran. Ianya bermula daripada rangsangan yang diterima melalui pancaindera. Rangsangan ini dibawa ke otak untuk diberi makna dan disimpan dalam ingatan sebagai pengalaman. Apabila pengalaman ini digunakan semula dalam bentuk yang baru, ianya dianggap sebagai perubahan tingkah laku (pembelajaran).

1.5 Pernyataan Masalah

Dalam menghadapi dunia yang semakin mencabar ini, setiap manusia memerlukan pendidikan yang sempurna untuk menguasai pelbagai ilmu. Penguasaan ilmu adalah bermula daripada penggunaan bahasa. Bahasa adalah pengantara dalam semua bidang, termasuklah bidang pendidikan, sosial, ekonomi, kemasyarakatan dan paling utama ialah fungsi dalam kehidupan manusia itu sendiri. Bagi orang-orang pekak, untuk mereka memperolehi bahasa, mereka memerlukan pendidikan formal iaitu dengan mengikuti program pendidikan khas cacat pendengaran bagi tujuan tersebut. Sekolah serta guru yang terlatih dalam bidang ini adalah golongan yang layak memberi pendidikan kepada mereka.

Di Malaysia terdapat 2 jenis program pendidikan khas cacat pendengaran iaitu Program Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran dan Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pendengaran. Perangkaan ini dapat dilihat dalam jadual 1.3 dan 1.4 di bawah. Kedua-dua sekolah ini bertujuan memberi pendidikan kepada murid-murid pekak dengan sempurna.

Jadual 1.3: Program Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran

Masalah	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Jumlah
Penglihatan	6	2	8
Pendengaran	23	3	26
Jumlah	29	5	34

Jadual 1.4: Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pendengaran

Masalah	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Jumlah
Penglihatan	9	14	23
Pendengaran	30	37	67
Pembelajaran	532	225	757
Jumlah	571	276	847

(Sumber: Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004)

Walaupun murid-murid mengalami kecacatan pendengaran, mereka adalah aset dalam negara ke arah menyumbang kepada pembangunan negara. Oleh itu mereka memerlukan bahasa dalam hidup mereka. Bagi melahirkan generasi pekak yang dapat

menguasai bahasa Melayu, guru amat diperlukan bagi mendidik mereka supaya mereka juga merupakan kalangan orang yang mahir berbahasa Melayu dengan menggunakan bahasa isyarat. Dengan demikian guru yang terlatih dan kemahiran perlu menyumbang bakti kepada mereka. Persoalannya adakah guru-guru pendidikan khas cacat pendengaran ini berjaya melahirkan generasi pekak yang dapat menguasai bahasa dengan baik. Kerana melalui bahasa mereka dapat menguasai ilmu pengetahuan ke peringkat yang lebih tinggi. Di samping itu juga, adakah guru-guru pendidikan khas dapat menjadi guru yang benar-benar dapat mempraktikkan kaedah pengajaran, mendidik, menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan sedia menjadi guru yang ikhlas dalam mengajar mereka. Kerana murid-murid pekak perasaan mereka cukup sensitif. Mendidik murid-murid istimewa memerlukan daya kesabaran yang cukup tinggi. Kerana murid-murid ini tidak mempunyai kelebihan kerana mereka dilahir dalam keadaan cacat. Faktor kecacatan ini menyebabkan kesukaran mereka dalam berbahasa. Oleh itu, mereka selalu ketinggalan untuk mendapat pendidikan tinggi ataupun pekerjaan (M. Said @Mohd. Shaikh Hamzah, 1991: 5-9).

Oleh itu sokongan, dorongan, perhatian dan kesabaran mendidik murid-murid menjadi perkara utama dalam diri Guru Sekolah Pendidikan Khas Cacat Pendengaran (GSPKCP).

1.6 Persoalan Kajian

Sistem pendidikan di Malaysia yang merangkumi kaedah pengajaran telahpun dirangka khas bagi tujuan memperkemaskan kaedah pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat sekolah. Ianya bertujuan untuk mewujudkan penyeragaman sistem pendidikan di Malaysia. Ini termasuk sekolah pendidikan khas cacat pendengaran. Guru yang menceburi bidang pendidikan khas cacat pendengaran diberi latihan khusus untuk

mengajar murid-murid pekak. Ianya bertujuan untuk melahirkan guru yang terlatih dalam bidang pendidikan khas cacat pendengaran. Di samping lahir guru terlatih, guru ini juga mahir dalam menggunakan bahasa isyarat untuk mengajar murid-murid pekak. Guru-guru yang terlatih ini akan memberi khidmat kepada murid-murid cacat pendengaran.

Guru-guru yang mempunyai kemahiran mengajar murid-murid pekak serta mempunyai latihan yang sepenuhnya daripada kementerian pendidikan khas cacat pendengaran (terlatih) dalam bidang ini, adakah mereka dapat mengaplikasikan kemahiran yang mereka miliki untuk menyumbang tenaga mereka kepada murid-murid pekak. Persoalan sebegini pengkaji cuba ingin rungaikan dengan menyatakan beberapa persoalan kajian tentang kaedah pengajaran bahasa Melayu untuk murid-murid pekak melalui objektif kajian.

Persoalan pertama yang pengkaji akan ketengahkan ialah mengenai kekerapan penggunaan kaedah pengajaran bahasa Melayu untuk murid-murid pekak. Adakah ianya memberi kesan positif kepada pembelajaran murid-murid pekak. Kedua adakah penggunaan ABM benar-benar mempengaruhi pemahaman murid-murid pekak semasa belajar. Ketiga adakah sifat-sifat positif guru dapat memberangsangkan pembelajaran murid-murid pekak dan keempat guru yang menceburi bidang pendidikan khas ini adakah bersedia daripada segi mental, emosi dan fizikal. Kesemua persoalan ini akan dihuraikan dalam bab 4.

1.7 Objektif Kajian

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, pelajar pekak kurang menguasai bahasa dengan baik kerana kesukaran mereka memperolehi bahasa. Oleh itu untuk memperolehi bahasa

dengan baik, mereka perlu memasuki sekolah pendidikan khas cacat pendengaran bagi mendapat pembelajaran bahasa dengan sempurna. Sekolah pendidikan khas cacat pendengaran merupakan sekolah yang khusus mengajar murid pekak dalam menguasai bahasa. Guru-guru mengajar bahasa dengan menggunakan bahasa isyarat bagi memenuhi keperluan bahasa mereka. Penggunaan bahasa isyarat iaitu komunikasi seluruh BMKT adalah menepati hukum tatabahasa dengan betul.

Kelewatan memasuki alam persekolahan menyebabkan mereka lambat menguasai bahasa dengan baik. Mereka memperolehi bahasa dengan baik apabila mereka memasuki alam persekolahan iaitu apabila berusia tujuh tahun. Ketiadaan asas yang sempurna menyebabkan mereka lemah dalam bahasa. Kelemahan yang dihadapi oleh murid-murid ini turut ditanggung oleh guru-guru pendidikan khas cacat pendengaran. Di sinilah guru-guru memainkan peranan penting untuk membimbing serta membantu kanak-kanak ini supaya dapat menguasai bahasa dengan baik. Oleh yang demikian, pengkaji ingin melihat kaedah pengajaran bahasa Melayu yang digunakan oleh guru-guru dalam pengajaran bahasa murid-murid pekak. Objektifnya adalah seperti berikut:

1. Untuk mengkaji kaedah pengajaran bahasa Melayu yang digunakan oleh guru-guru cacat pendengaran kepada murid-murid pekak.
2. Untuk mengkaji kekerapan penggunaan kaedah pengajaran bahasa Melayu yang digunakan oleh guru-guru cacat pendengaran kepada murid-murid pekak.
3. Untuk mengkaji sifat-sifat positif guru-guru cacat pendengaran dalam mempengaruhi kaedah pengajaran bahasa Melayu murid-murid pekak.

Oleh yang demikian, pengkaji ingin melihat sejauhmanakah penggunaan kaedah pengajaran, kekerapan penggunaan kaedah pengajaran dan sifat-sifat positif guru, dalam mempraktikkan kaedah pengajaran bahasa kepada murid-murid pekak. Jesteru itu juga,

adakah murid-murid pekak yang dididik oleh GSPKCP mampu menggunakan bahasa dengan baik dalam menghadapi cabaran dunia globalisasi.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah di bawah bidang kelemahan komunikasi manusia. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan kaedah pengajaran, kekerapan penggunaan kaedah pengajaran dan sifat-sifat positif guru seperti minat, kreatif, penyayang, sabar dan sebagainya dalam mengajar murid-murid pekak. Kajian ini juga tertumpu kepada 3 buah sekolah rendah sahaja. Ini disebabkan kekangan masa kerana masa diperuntukan untuk tujuan pemerhatian. Pemerhatian dijalankan bermula daripada tahap 1 hingga ke tahap 6 (7 tahun hingga 12 tahun). Sekolah yang dipilih adalah sekolah pendidikan khas cacat pendengaran. Sebanyak tiga buah sekolah sahaja yang dipilih oleh pengkaji dalam kajian ini.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kepada guru-guru yang terlibat dalam mendidik dan mengajar kanak-kanak pekak di sekolah pendidikan khas. Kejayaan atau kegagalan seseorang murid adalah terletak pada kebijaksanaan seseorang guru. Guru yang berkualiti adalah pemangkin kepada kejayaan murid-murid pekak untuk menguasai bahasa. Guru yang mengutamakan nilai pengajaran baik akan berusaha mencari bahan rujukan sebanyak mungkin serta mengikuti kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Khas bagi memperkemaskan atau mempertingkatkan lagi mutu pengajaran.

Mungkin kajian ini dapat memberi panduan atau maklumat kepada para pendidik dan pegawai yang terlibat, terutamanya berkaitan dengan kaedah pengajaran bahasa

kepada murid-murid pekak, kerana adanya pendekatan yang sesuai akan mempengaruhi minat belajar murid-murid kurang upaya. Di samping guru-guru, ianya berguna kepada ibubapa yang merupakan penjaga bersama kebajikan murid-murid pekak. Kajian ini juga boleh menjadi panduan kepada penggubal polisi bagi pendidikan murid-murid istimewa. Terhasilnya kajian ini, akan dapat membantu guru-guru pendidikan khas cacat pendengaran mengenal pasti kaedah pengajaran yang berkesan dan bersesuaian untuk digunakan kepada murid- murid ini (bergantung kepada tahap pendengaran kanak-kanak tersebut). Apabila perkara ini dapat dikenal pasti akan menyenangkan tugas guru merancang kaedah dan bahan-bahan pengajaran yang diperlukan dalam proses pengajaran bahasa.

Kajian ini juga penting untuk menarik minat penyelidik lain untuk menjalankan penyelidikan seperti ini daripada aspek yang berbeza. Ini memandangkan pengkaji dalam bidang ini tidak begitu ramai jumlahnya jadi dengan terhasilnya kajian ini, akan menambahkan lagi bahan kajian dan akan menjadi sumber rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain.

1.10 Pengertian Operasional

Tajuk kajian ini ialah kaedah pengajaran bahasa dalam kalangan pelajar pekak di sekolah Pendidikan Khas Cacat Pendengaran Kampung Baru Kuala Lumpur, Shah Alam dan Temerloh. Dalam kajian ini pengkaji akan menerangkan tentang beberapa konsep yang berkaitan tentang tajuk kajian ini. Penghuraian tentang beberapa konsep ini akan dapat memperjelaskan tajuk kajian ini.

1.10.1 Kanak-Kanak Pekak

Pekak ialah kecacatan yang tidak dapat dilihat secara zahir. Kecacatan ini disalahertikan oleh setengah orang bahawa pekak boleh menyebabkan bisu sedangkan pekak mampu berkomunikasi menerusi tulisan, penggunaan bahasa isyarat, pertuturan dan membaca gerak bibir.

Kecacatan ini dibahagi kepada dua kategori iaitu golongan mempunyai masalah pendengaran kurang daripada 55 desibel (dB) yang dipanggil kurang pendengaran dan golongan yang mempunyai masalah pendengaran lebih daripada 55 desibel (dB) yang paling sesuai diberi perkataan pekak (K.A Razhiyah 2005).

Menurut maklumat Persekutuan Orang Pekak Malaysia, deria melihat menggantikan deria mendengar yang dikenali sebagai “Visual Oriented”. Masalah komunikasi yang dihadapi oleh orang pekak dan kurang pendengaran menjadi satu cabaran hidup sepanjang hayat. Golongan ini disingkirkan dari segi keperluan dan hak asasi atas sebab masalah komunikasi dan visual oriented. Mereka sentiasa hidup dalam dunia tanpa suara dan bunyi.

Moore (1978) mendefinisikan murid-murid pekak sebagai murid-murid yang telah kehilangan deria pendengaran. Seseorang yang bermasalah pendengaran ialah pendengarannya bermasalah pada sesuatu tahap yang menghalang kefahaman pertuturan melalui telinga sahaja atau tahap penggunaan alat pendengaran.

Orang cacat pendengaran sama ada secara semula jadi atau disebabkan oleh kemalangan. Kecacatan deria pendengaran yang dialami menyebabkan mereka tidak dapat mendengar bunyi-bunyi bahasa sebagaimana yang kita dengar dengan kata lain pekak

merujuk kepada ketidakmampuan menerima bunyi bahasa dan bisu merujuk kepada ketidakmampuan menghasilkan bunyi bahasa (Abdullah Yusoff, 1995: 589).

1.10.2 Definisi Kaedah

Kaedah adalah merujuk kepada suatu set siri tindakan guru yang sistematik dengan tujuan untuk mencapai objektif pembelajaran tertentu dalam jangka masa yang pendek (Kamaruddin Hj. Husin, 1983: 26; Ee Ah Meng, 1990: 9). Pakar-pakar dalam pengajaran bahasa berpendapat kejayaan di dalam setiap pengajaran bahasa itu memerlukan perkaedahan berdasarkan kepada teori-teori linguistik.

Oller yang dipetik dari Azman Wan Chik, (1985) dan rakan-rakannya yang mengemukakan bahawa tujuan utama teori linguistik adalah memberi huraian atau deskripsi bahasa sebagai satu sistem dan memberikan penjelasan tentang bagaimana penutur-penutur bahasa berkomunikasi dengan menggunakan bahasa. Politzer yang dipetik dari Azman Wan Chik, (1985) pula mengatakan bahawa linguistik dan psikologi pendidikan seharusnya merupakan alat-alat yang dapat digunakan oleh guru-guru bahasa untuk membenarkan kaedah-kaedah yang digunakan oleh mereka.

Dr. Azman Wan Chik (1985), dalam kertas kerjanya mengenai pengajaran bahasa mengatakan bahawa Bahasa Malaysia pada amnya diajar menggunakan perkaedahan 'ad hoc' yang diubahsuaikan mengikut kebolehan, kemampuan dan pengalaman cara guru itu sendiri mempelajari Bahasa Malaysia. Kaedah 'ad hoc' ini menimbulkan berbagai pendekatan dan teknik yang tidak berasaskan kepada teori-teori pembelajaran dan pengajaran bahasa yang mantap dan dapat dipertanggungjawabkan. Jelas bahawa

pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah hari ini diserahbulatkan kepada keupayaan dan kemampuan guru-guru bahasa itu sendiri.

Kaedah adalah satu rencana (prosedur) yang menyeluruh untuk mengajar sesuatu bahan pengajaran yang secara keseluruhannya mestilah didasarkan kepada pendekatan yang dianuti. Sesuatu kaedah itu tidak boleh bercanggah dengan pendekatan. Kaedah yang bersifat prosedur yang terdiri daripada langkah-langkah serta peringkat-peringkat yang teratur yang harus dituruti dengan saksama untuk mencapai tujuan tertentu (Mangantar Simanjuntak, 1982: 72).

Teori Gestalt menyatakan bahawa persepsi kita bekerja daripada keseluruhan sesuatu benda kemudian bergerak kepada bahagian-bahagiannya. Berdasarkan teori ini, seseorang guru itu bolehlah bergerak kepada bahagian-bahagiannya. Berdasarkan teori ini, seseorang guru bolehlah mencipta satu kaedah pengajaran sendiri selaras dengan pendekatan yang dianuti. Dalam pengajaran bahasa, kaedah ini mungkin memulakan prosedurnya daripada satu wacana, kemudian kepada ayat-ayat terus kepada frasa, kata dan mungkin kepada bahagian yang lebih kecil seperti morfem (Kamaruddin Hj. Husin, 2003: 120).

Brown (1980: 240) menyatakan agak sukar untuk memberikan definisi kaedah. Kata beliau:

'Methods, however are difficult to define. They manifest themselves in such varieties at times that the terms approach may be more accurately descriptive of these general moods. An approach is a general and theoretical view of how language (or other subjek matter) ought to be taught while a method includes a developed procedure for teaching'.

Currie (1983) dalam Kamaruddin Hj. Husin, 2003: 120, pula menyatakan:

'Usually, method is classified by the way we try to achieve the aim; thus we hear of expository methods, heuristic methods, activity methods and the like. Method is thus the philosophy of teaching task in a given subject in that it orientates us to the teaching'.

Kaedah juga boleh diertikan sebagai hubung kait yang mengandungi dua aspek penting iaitu cara dan teknik. Dalam konteks pengajaran bahasa, cara meliputi lima aspek iaitu bahasa yang didengar, guru, penuntut, pengajaran dan bahasa ibunda (Kamaruddin Hj. Husin, 2003).

Definisi lain kepada kaedah ialah jalan pengajaran atau cara yang berlandaskan prinsip dan prosedur yang sistematik (Richard, Platt dan Webar, 1985). Kaedah pengajaran ini adalah hasil daripada beberapa aspek yang meliputi bahasa, pengajaran, matlamat, sukatan, peranan guru dan pelajar serta teknik dan prosedur tertentu. (Richard and Rodgers, 1942). Menurut Sarjana bahasa Arab Mahmud al- Mahmud (1970) “kaedah” lebih merupakan satu langkah atau perancangan am bagi memilih, menyusun, mengatur dan mempersembahkan bahan bahasa dengan syarat tidak bercanggah dengan pendekatan. Ini kerana pendekatan bersifat dasar, sementara kaedah adalah pelaksanaan dasar tersebut. Kesimpulan daripada beberapa definisi yang diberikan, boleh dikatakan bahawa kaedah merupakan satu perancangan, pengantar (Mahmod Kamil, 1985).

Raminah Sabran & Rahim Sham (1985) mendefinisikan pendekatan sebagai proses pengendalian pengajaran seluruhnya dengan menggunakan kaedah dan teknik berdasarkan satu teori pembelajaran. Arbak Othman (1989), berpendapat pendekatan membawa makna cara-cara sesuatu pengajaran itu didekati menurut suatu pandangan atau disiplin pedagogi.

Pendekatan pengajaran berkait rapat dengan anutan atau prinsip yang berasaskan kepada sesuatu teori, contohnya pendekatan deduktif dan induktif.

Manakala teknik lebih merupakan satu manifestasi kelakuan atau haluan cara di dalam kelas yang bertindak ke arah melaksanakan kaedah pengajaran (Richard and Rodgers, 1982 dan Mahmud al-Nagah 1985). Sebagai ejen manifestasi kelakuan, teknik berguna sebagai perancangan langkah serta cara yang berlaku dalam kelas. Ianya digunakan untuk menjayakan objektif pengajaran. Dalam hal ini teknik terlibat dengan kerangka am kaedah agar ianya saling sesuai dan selari.

Pendekatan kepada teknik bergantung kepada guru yang mengajar dengan menggunakan kaedah pengajaran dan pengalaman sendiri untuk menghidupkan suasana dalam bilik darjah. Rangkuman daripada kaedah dan teknik ini membentuk satu strategi pengajaran yang lengkap dengan perancangan objektif yang syumul dan lengkap. Dalam hubungan ini taktik pengajaran bertindak sebagai situasi dan tahap pembelajaran itu sendiri di samping cara pelaksanaan yang boleh menjayakan objektif. Ianya juga merangkumi alat-alat tertentu yang digunakan dalam pengajaran (Mahmud al- Mahmud, 1970).

Bagi tujuan kajian ini kaedah bermaksud satu langkah atau perancangan am bagi memilih, menyusun, mengatur dan menyampaikan bahan bahasa dengan syarat tidak bercanggahan dengan 'pendekatan' (Mahmud Kamil, 1985). Teknik pula bermaksud satu manifestasi kelakuan dan haluan cara yang berlaku di dalam kelas yang digunakan untuk melaksanakan tujuan khas pengajaran bahasa kepada kanak-kanak ini.

Kaedah, pendekatan serta teknik adalah merupakan elemen-elemen penting dalam pengajaran bahasa. Konsep-konsep tersebut saling berkait rapat antara satu sama lain

dengan menjamin penyampaian yang berkesan dalam proses pengajaran bahasa seseorang guru. Selain daripada kaedah, pendekatan serta teknik, tidak sempurna pengetahuan seseorang guru tanpa menguasai teori-teori pengajaran dan pembelajaran bahasa.

1.10.3 Kaedah Atau Pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran.

Memandangkan pembelajaran bahasa merupakan suatu fenomena penting yang berkait rapat dengan perkembangan dan penguasaan bahasa, pengajaran dilaksanakan melalui dua cara. Pertama ialah dengan cara mengikut prosedur yang lengkap tentang cara untuk melaksanakan sesuatu pengajaran. Kedua, dengan menggunakan satu set prinsip umum bagi melaksanakan tugas tersebut (Abdullah Yusoff, 1995).

Kaedah serta pendekatan adalah perkara yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kerana konsep ini saling berhubungan antara satu sama lain. Bagi memudahkan penyampaian dan pembelajaran yang berkesan. Guru-guru seharusnya kreatif dalam proses pengajaran bahasa. Guru-guru yang kreatif dalam menggunakan pelbagai kaedah pengajaran akan menambah lagi minat dalam pembelajaran bahasa dalam kalangan kanak-kanak pekak.

Abdullah Yusoff, (1995: 543) telah mengemukakan beberapa pendekatan tentang bahasa isyarat orang pekak. Antaranya ialah pertuturan, bacaan bibir dan pengejaan jari. Pendekatan bahasa isyarat pula dipecahkan kepada tiga iaitu natif, Bahasa Isyarat Amerika (ASL) dan Komunikasi Seluruh Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT).

1.10.4 Pendekatan Pengajaran BM Murid-Murid Pekak

Pengajaran bahasa dalam kalangan pelajar pekak bermula dengan pendekatan pembacaan bibir diikuti oleh pengejaan jari sehinggalah kepada pendekatan bahasa isyarat (Tan Chin

Guan, 1981: 11-20). Pada tahun 1928 bertambah satu lagi pendekatan yang dikenal sebagai Komunikasi Seluruh Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT), iaitu pendekatan ciptaan Malaysia yang digunakan secara meluas di seluruh sekolah yang membabitkan kanak-kanak pekak (Asmah Hj. Omar, 1981,1986).

Kini terdapat pelbagai pendekatan dalam pengajaran bahasa kepada golongan cacat pendengaran, antaranya yang utama termasuklah:

- a. Bahasa Isyarat
 - Natif
 - Bahasa Isyarat Amerika (ASL)
 - Komunikasi Seluruh Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT)
- b. Bacaan bibir
- c. Pertuturan
- d. Pengejaan jari

1.10.4.1 Bahasa Isyarat

Pendekatan menggunakan bahasa isyarat sebagai satu cara mengajarkan bahasa kepada orang pekak bermaksud bahawa orang pekak dilatih sama ada secara formal atau tidak supaya dapat berkomunikasi dengan menggunakan bahasa isyarat. Bahasa isyarat membabitkan keseluruhan pergerakan anggota badan manusia seperti tangan, kaki, badan mulut, mimik muka dan sebagainya. Menurut Gustason, Pfetzing dan Zawolkow (1980) penggunaan bahasa isyarat ini dikatakan antara kaedah tertua yang digunakan oleh orang pekak dalam proses berinteraksi dengan ahli-ahli dalam masyarakat kerana lebih bersifat sejadi.

Terdapat pelbagai jenis bahasa isyarat yang digunakan oleh orang pekak. Kepelbagaian ini disebabkan oleh latar belakang orang pekak dan alam budaya yang melingkungi kehidupan mereka. Disebabkan keadaan sedemikian, isyarat-isyarat yang

dihasilkan berbeza antara seseorang penutur dengan penutur yang lain (Abdullah Yusoff 1995: 544).

1.10.4.2 Bahasa Isyarat Natif

Bahasa isyarat natif bermaksud bahasa isyarat yang digunakan oleh kebanyakan orang pekak. Isyarat-isyarat yang dibentuk adalah berdasarkan penciptaan sendiri atau berdasarkan ahli keluarga yang pekak, rakan-rakan pekak dan tidak pekak dan juga ahli masyarakat yang melingkungi kehidupan mereka (Lawson, 1981). Isyarat ini berbentuk setempat dan penyebarannya tidak luas.

Lazimnya isyarat ini merupakan bahasa pertama dan utama orang pekak. Dalam hal ini, Goh dan Teh (1984) dalam kajian mereka menyatakan bahawa bahasa isyarat natif adalah bahasa pertama yang diperoleh kanak-kanak pekak. Pemerolehan bahasa ini bermula daripada ahli keluarga yang membentuk isyarat-isyarat kerana keperluan untuk berkomunikasi.

Terdapat pelbagai jenis bahasa isyarat berdasarkan kebudayaan dan sempadan negara. Dapat dikatakan bahawa setiap negara mempunyai bahasa isyarat natif tersendiri. Umpamanya negara Amerika dengan bahasa isyarat Amerika (ASL), Jepun dengan bahasa isyarat Jepun dan India dengan *Indian-English Sign Language*. Bahasa-bahasa isyarat natif ini ada yang dibukukan seperti bahasa isyarat Jepun dan Amerika. Pembukuan ini memudahkan penyebaran sesuatu bahasa isyarat dalam usaha menyeragamkan penggunaannya (Goh dan Teh, 1984 dalam Abdullah Yusoff, 1995: 544).

Sebagai alat pengajaran bahasa, bahasa isyarat natif ini digunakan semasa bersekolah. Isyarat-isyarat ini digunakan oleh guru berdasarkan pengalaman yang

diadaptasikan daripada isyarat yang digunakan oleh manusia normal dan pekak. Selain itu, penggunaan isyarat pelajar pekak bagi merujuk kepada sesuatu dijadikan asas kepada pembentukan sesuatu isyarat. Maksudnya bagi merujuk kepada sesuatu benda, pelajar berdasarkan pengalamannya akan membentuk isyarat dan isyarat tersebut akan digunakan oleh guru dalam pengajaran dan komunikasi.

Ada isyarat-isyarat yang diciptakan untuk merujuk kepada benda baru. Hal ini dilakukan oleh guru bersama-sama dengan pelajar. Berdasarkan bentuk benda, isyarat dicipta dan digunakan sebagai isyarat piawai dalam lingkungan penggunaannya. Penciptaannya terhad kepada benda maujud sahaja kerana sangat sukar membentuk isyarat bagi merujuk kepada benda abstrak (Cohen, 1977).

1.10.4.3 Bahasa Isyarat Amerika

Bahasa isyarat ini berasal dari Amerika. Bahasa tersebut yang mula diperkenalkan oleh cendikiawan Barat yang menjadi sukarelawan mengajar kanak-kanak pekak, kemudiannya menjadi satu pendekatan popular dalam tahun 1970-an. Penggunaan bahasa isyarat ini diteruskan oleh tenaga pengajar tempatan yang mendapat latihan di Barat terutamanya Amerika dan England (Chua, 1976 dan Mohd. Hashim Omar, 1984). ASL ini menjadi pendekatan yang dominan dalam pengajaran bahasa kepada pelajar pekak sehingga ke hari ini, terutamanya dalam mata pelajaran bahasa Inggeris. Ini berlaku kerana tidak adanya isyarat tempatan yang mampu menjadi bahasa pengantar sekolah.

1.10.4.4 Komunikasi Seluruh Bahasa Malaysia Kod Tangan

Bahasa Malaysia Kod Tangan adalah bahasa isyarat yang menggunakan seluruh anggota manusia termasuk mimik muka semasa berkomunikasi. Bahasa isyarat ini dicipta untuk

orang pekak dan mula diperkenalkan pada tahun 1978 di sekolah-sekolah yang membabitkan pelajar-pelajar pekak di Malaysia. Bahasa Malaysia Kod Tangan ini bukan Bahasa Malaysia Isyarat Tangan (Malay Sign Language). Bahasa Malaysia Kod Tangan ini menurut asas-asas dan tatabahasa serta prinsip-prinsip Bahasa Malaysia sebagaimana yang didengar, diperbualkan, ditulis, dibaca dan difahami oleh rakyat Malaysia. Apabila Bahasa Malaysia Kod Tangan ini diperturunkan ke dalam bahasa tulisan maka tiada apa-apa perbezaan pun tentang struktur dan semantik dalam Bahasa Malaysia. Ayat-ayat yang diberi kepada kanak-kanak pekak atau kanak-kanak biasa itu akan sama maknanya. Seseorang kanak-kanak pekak yang dapat menguasai Bahasa Malaysia Kod Tangan akan dapat “bercakap” Bahasa Malaysia (Kod Tangan) dan menulis bahasa yang lazim dengan rakan-rakannya yang boleh mendengar.

1.10.4.5 Bacaan Bibir

Bacaan bibir bertujuan untuk memudahkan pelajar pekak memahami apa-apa yang dituturkan oleh pengguna bahasa lisan. Dengan cara ini, orang pekak dapat menguasai gerakan bibir orang yang dilawan (berinteraksi).

Melalui pendekatan ini, pelajar perlu meneliti dan membaca setiap pergerakan bibir orang lain dan mengaitkannya dengan kata yang diucapkan. Dalam hal ini, penglihatan mata perlu berfungsi untuk mendengar dan untuk membaca bibir seseorang seperti orang normal mendengar bunyi suara dan membaca apa-apa yang tertulis di atas kertas (Wyatt 1960).

1.10.4.6 Pertuturan

Melatih pelajar pekak menggunakan bahasa manusia normal. Pertuturan ini melibatkan alat artikulasi orang pekak sama seperti manusia normal di samping mengaktifkan kebolehan mendengar dan bertutur (Abdullah Yusoff, 1995).

Pendekatan ini memerlukan orang pekak menuturkan bahasa lisan seperti manusia normal. Pertuturan membabitkan sistem fonetik, morfologi dan sintaksis. Pendekatan ini sukar dilakukan kerana kecacatan pendengaran mempengaruhi penerimaan bunyi dan membawa kesan kepada penghasilan bunyi iaitu sebutan.

1.10.4.7 Pengejaan Jari

Pengejaan jari bermaksud menggunakan abjad (pelajar perlu menguasainya) dan mengeja setiap perkataan yang hendak diperkatakan. Oleh itu, setiap kosa kata perlu dieja dengan betul dan cekap supaya komunikasi dapat berlaku. Jari mengambil alih peranan mulut untuk mengeja. Isyarat-isyarat yang mewakili abjad perlu dikuasai dengan cekap.

Ejaan jari adalah bahagian mustahak dalam komunikasi orang-orang pekak. Ejaan jari adalah digunakan untuk nama khas seperti nama orang, nama tempat, nama institusi dan alamat. Juga digunakan secara meluas bagi perkataan-perkataan yang tiada Kod Tangan. Ejaan jari adalah digabungkan dengan penggunaan kod tangan.

Ejaan jari mempunyai tiga aspek iaitu ;

- a). Penyampaian ejaan jari (Expressive Fingerspelling) ialah penggunaan gerakan fizikal bagi menyampaikan maklumat melalui huruf-huruf gerakan tangan.
- b). Penerimaan ejaan jari (Receptive Fingerspelling) ialah penggunaan gerakan pandangan mata bagi menerima maklumat melalui huruf-huruf gerakan jari.

- c). Aspek ketiga ejaan jari, mestilah diingatkan selalu yang ejaan jari ini digunakan bagi tambahan kepada pertuturan dan bacaan bibir. Oleh yang demikian kita mestilah selalu bertutur atau menggerakkan bibir menyebut tiap-tiap perkataan serentak dengan ejaan jari dan kod tangan. Sekiranya ejaan jari dan kod tangan disampaikan tanpa pertuturan atau gerakan bibir adalah kesalahan yang nyata dalam konsep komunikasi seluruh. Kesalahan seperti ini hendaklah selalu disemak dan dihapuskan.

Menyampaikan ejaan jari adalah lebih mudah daripada menerima maklumat dengan ejaan jari. Oleh yang demikian kebolehan menerima, mestilah sama dengan menyampaikan ejaan jari. Untuk tujuan ini adalah amat berkesan sekali jika latihan-latihan dibuat secara berpasangan atau kumpulan. Sekiranya tiada teman, bolehlah dibuat latihan dihadapan cermin.

Pendekatan ini dapat memahirkan pelajar dalam ejaan perkataan. Mereka dapat mengecam bentuk perkataan dan mempertalikkannya dengan makna yang hendak disampaikan. Mereka perlu juga mengeja apa-apa yang mahu diperkatakan.

Pelajar perlu menguasai abjad dan mengeja setiap perkataan yang hendak diperkatakan. Oleh itu, setiap kosa kata perlu dieja dengan betul dan cekap supaya komunikasi dapat berlaku. Jari mengambil peranan mulut untuk mengeja.

1.11. Penutup

Keseluruhan perbincangan dalam bab 1 ini menggambarkan bahasa adalah suatu keperluan kepada semua manusia termasuklah murid-murid cacat pendengaran. Melalui penggunaan bahasa manusia dapat menyatakan hasrat serta keinginan. Bagi manusia normal mereka menggunakan bahasa lisan dalam perhubungan sosial, berlainan pula dengan manusia yang cacat pendengaran perhubungan mereka adalah dengan menggunakan bahasa isyarat. Melalui bahasa isyarat murid-murid cacat pendengaran

dapat berkomunikasi antara satu sama lain. Namun begitu penggunaan bahasa isyarat untuk tujuan komunikasi adalah terhad penggunaannya. Untuk lebih bermakna lagi, mereka memerlukan pendidikan yang formal bagi menguasai bahasa iaitu bahasa Melayu yang merangkumi tatabahasa yang sempurna. Sekolah pendidikan khas cacat pendengaran menyediakan pendidikan yang cukup sempurna kepada pelajarannya. Sekolah pendidikan khas cacat pendengaran menggunakan BMKT sebagai bahasa pengantar. Penggunaan BMKT adalah menepati asas-asas tatabahasa dan prinsip-prinsip bahasa Melayu. Guru adalah orang yang paling layak untuk mengajar murid-murid cacat pendengaran dalam menggunakan BMKT.

Bagi memantapkan lagi mutu pengajaran, guru akan menggunakan kaedah pengajaran sebagai panduan atau rujukan. Panduan-panduan yang telah ditetapkan akan menyenangkan pembelajaran murid-murid pekak dan mereka pula tidak menghadapi kesukaran dalam mempelajari bahasa. Kaedah-kaedah pengajaran yang dirangka khas untuk murid-murid cacat pendengaran dipraktikkan oleh guru bagi mencapai objektif pengajaran. Di samping sifat-sifat positif guru akan memberangsangkan lagi minat murid-murid cacat pendengaran untuk terus belajar dengan penuh keseronokan.

1.9.5 Prinsip-Prinsip Nahu Bahasa Kod Tangan

Prinsip kod tangan mempunyai asas-asas bahasa yang digunakan seperti berikut:

a. Kata Dasar

Kata dasar ialah bentuk kata yang terdiri daripada hanya satu bentuk dasar, yakni yang tidak menerima apa-apa bentuk imbuhan atau kata dasar yang lain. Kata dasar

adalah kod bagi sesuatu perkataan menggunakan kata dasar seperti perkataan *besar*:

Orang *besar* itu *membesarkan* rumahnya.
DYMM Yang di-Pertuan Agong disambut oleh rakyat
dengan penuh *kebesaran*

Kod (besar) dalam perkataan *membesarkan* dan *kebesaran* adalah digunakan dengan diberi awalan dan akhiran.

besar

besar

membesarkan

mem

besar

kan

Kebesaran

besar

an

b. Kata Majmuk

Perkataan yang dibentuk dengan merangkaikan beberapa kata dasar dan bentuk yang terhasil membawa makna tertentu, dieja terpisah dan bertindak sebagai satu unit, contohnya, kapal terbang, matahari dan keretapi

kapal terbang

keretapi

Matahari

c. Kata Ringkas

Perkataan-perkataan dalam Bahasa Melayu yang diringkaskan dari dua, tiga atau lebih menjadi satu perkataan sahaja seperti:

- i. *Pawagam daripada panggung wayang gambar*
- ii *Tiada daripada tidak ada*

Semua perkataan ringkas ini tidak diberi kod tetapi dieja kecuali pada perkataan- perkataan yang lazim digunakan seperti *cikgu* digunakan “c”, *tiada* digunakan “t”.

d. Perkataan Pergandaan

Kata ganda ialah bentuk kata yang dihasilkan dengan menggandakan atau mengulangi kata dasar sama ada kata ganda tersebut diulang secara keseluruhan atau pada bahagian-bahagian tertentu dengan imbuhan atau tanpa imbuhan. Contohnya budak-budak, orang-orang, rumah-rumah. Manakala perkataan berganda sebahagian seperti lelaki, lauk-pauk, bukit-bukau.

i. Berganda Sama

Semua perkataan berganda sama ini diulang kod perkataan yang mula-mula. Contoh: budak-budak, orang-orang dan rumah-rumah

budak-budak

orang-orang

rumah-rumah

orang-orang

rumah-rumah

iii. Berganda Tak Sama

Semua perkataan berganda tak sama ini menggunakan kod dasar dan huruf awal daripada

kata seperti berikut:

Kuih-muih = kod *kuih* dan huruf “m”
Saudara-mara = kod *saudara* dan huruf “m”
Bukit-bukau = kod *bukit* dan huruf “b”

Kuih-muih

Kuih

muih

Saudara-mara

Saudara

mara

Bukit-bukau

Bukit

bukau

iii. Berganda Separuh

Semua perkataan berganda separuh ini hendaklah didahulukan dengan huruf awal dan diikuti dengan kod dasarnya seperti

Lelaki = huruf “l” dan kod *laki*

Lelaki

Le

laki

iv. Berganda Dan Berpenambah

Semua perkataan ini dilakukan seperti kata berganda sama, iaitu diulang kod dasarnya dengan diberi awalan atau akhiran pada mana-mana kata yang berkenaan. Contohnya tulis menulis, berlari-lari, buah-buahan.

Tulis menulis

Tulis

me

nulis

e. Imbuhan (Awalan) “me”, “per”, “ter”

Bentuk terikat yang dicantumkan pada kata dasar dalam proses pembentukan kata. Imbuhan yang dicantumkan itu menyebabkan perubahan fungsi tatabahasa. Imbuhan terdiri daripada empat jenis awalan, akhiran, sisipan dan apitan.

i) Murid-murid hendaklah diberitahu tentang penggunaan dan perubahan ejaan pada awalan “me” dan “pe” yang bertukar menjadi “men(pen)”, “mem(pem)”, “meng(peng)”, “meny(peny)”. Walaupun demikian, semua awalan menggunakan huruf pertama seperti

Huruf “m” untuk awalan “me”
Huruf “p” untuk awalan “pe”
Huruf “t” untuk awalan “ter”

me

me

pe

pe

ter

ter

ii) Untuk imbuhan akhiran “i”, “an”, “kan”,

Baiki = kod *baik* dan huruf “i”

Makanan = kod *makan* dan huruf “n”

jalankan = kod *jalan* dan huruf “k”

Baiki

Baik i

Makanan

Makan an

jalankan

jalan kan

Untuk akhiran “kah”, digunakan “k” berbentuk tanda soal (?)

Apakah ? =kod apa dan huruf “k” berbentuk (?)

kah

kah

apakah ?

apa kah ?

f. Perkataan Seerti, Hampir seerti dan Sekumpulan

Kata seerti atau sama konsepnya dikumpulkan dalam satu kumpulan yang menggunakan satu kod dasar untuk semuanya. Katanya ini dibezakan dengan menggunakan huruf awal yang mengikuti kod dasar itu, seperti:

- i. *cantik* kod dasar ; *molek*, (kod dasar diikuti oleh *m*);
indah (kod dasar diikuti oleh *i*).

cantik

Molek

indah

g. Pengecualian

Ada kata yang dikecualikan daripada kod dasar yang disediakan dan kata ini mempunyai kodnya sendiri iaitu ;

Nama gelaran pangkat yang berbeza daripada kata biasa seperti;

- i) DYMM Yang Dipertuan Agung berbeza daripada mesyuarat agung tahunan.
- ii) Dato' Seri Dr. Mahathir berbeza daripada datuk saya
- iii) Undang Rembau di negeri Sembilan berbeza daripada saya mengundang tuan-tuan

Agung

Agung

agung

agung

h. Angka

Simbol angka dan angka yang ditulis dengan perkataan adalah mempunyai perbezaan. Untuk kegunaan segera seperti dalam mengajar kira-kira, simbol angka yang dipadankan daripada simbol angka-angka dari Amerika adalah digunakan. Tetapi dalam pengajaran angka-angka perkataan bertulis, dengan ini asas-asas bahasa mestilah digunakan seperti berikut;

5
18
158

i. Untuk simbol angka;

5 = kod 5
18 = kod 1 dan 8
158 = kod 1,5 dan 8

ii. Untuk Kod Tangan Bahasa Malaysia ialah;

5 = kod 5
18 = 8 dan belas
158 = seratus 5 puluh 8

Ini dilakukan kerana didapati ramai kanak-kanak pekak tidak dapat mengikuti dengan pandangan mata tentang berapa banyak bilangan sifar diudara. Untuk mengatasi masalah ini, adalah dipersetujui supaya digunakan huruf “C” untuk “R” ratus untuk ribu “T” untuk juta.